

Fungsi Baris Dalam Sintaksis Arab Kajian Terhadap Kata Nama Dalam Surah al-Fatihah

A Study on Arabic Syntactic Form Function on Nouns in Sura al-Fatihah

Hisyamuddin Mohd Yusof¹, Norfaezah Mohd Hamidin²

ABSTRAK

Bahasa Arab adalah bahasa yang paling berkuasa kerana Allah telah memilih bahasa ini bahasa Al-Quran dan antara bahasa terpenting di dunia. Bahasa Arab berbeza dengan bahasa lain di dunia ini kerana perkataan dalam bahasa Arab dibaca oleh tiga baris iaitu dhommah (◌ُ), fathah (◌َ) dan kasrah (◌ِ). Tetapi, setiap perkataan yang dibaca dengan baris yang berbeza menunjukkan makna yang berbeza dalam ayat. Jadi, apakah yang penting dalam baris ini untuk mempengaruhi makna perkataan Arab. Kertas ini akan membincangkan di sebalik makna perkataan menggunakan baris berbeza dalam bahasa Arab yang menunjukkan makna yang berbeza kepada pembaca. Al-Quran ditulis dengan bahasa Arab dan perlu dibaca dengan menggunakan baris yang betul dalam setiap perkataan. Membaca dengan baris yang salah akan memberi makna yang salah. Pengkhususan ciri ini tidak dilihat dalam bahasa lain. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka makna perkataan Arab dengan menggunakan pelbagai baris kata nama dalam memahami Al-Quran. Analisis fungsi akan dibuat daripada kata nama dalam surah al-Fatihah. Refleksi daripada kajian ini adalah untuk pembaca memahami tentang makna dan mesej dalam Al-Quran yang menjadi panduan kepada kehidupan Islam.

Kata kunci: bahasa Arab, baris bahasa Arab, makna surah al-Fatihah

ABSTRACT

Arabic language is the most powerful language because Allah has chosen this language in the Holy Quran and it is among the important languages in the world. Arabic language is different from other languages in this world because the word in Arabic is read in three forms which are dhommah (◌ُ), fathah (◌َ) and kasrah (◌ِ). But, every word which is read in the different forms show different meaning in the sentences. So, what is the significance of this form to affect the meaning of Arabic word? This paper will explore the forms in the Arabic language to show the difference in meaning to the reader. The Holy Quran is written in the Arabic language and read using correct forms for each word. Wrong pronunciation with the wrong form will affect the meaning. The specialisation of this form is not seen in other languages. The objectives of this study are to explore the meaning of Arabic words using different forms and to give a direction to understand the Holy Quran. A function analysis will be made of the nouns in Sura

¹ Hisyamuddin Mohd Yusof, Pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, hisyamkias@gmail.com

² Norfaezah Mohd Hamidin (Dr), Pensyarah Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norfaezah@kuis.edu.my

al-Fatihah. Reflection from this study is to enable the reader to understand the meaning and message in the Holy Quran which is a guidance to Muslim life.

Keywords: Arabic language, forms of Arabic language, meaning of al-Fatihah

Pengenalan

Menjadi satu keajaiban kepada manusia apabila sebuah kitab suci diturunkan dengan limpahan ciri-ciri tadabbur yang tidak lain, hanya sebagai jalan untuk manusia itu berfikir sejenak apa yang nak digambarkan melalui tinta-tinta kudus itu. Penciptaan manusia tidak hanya berobjektif mempergunakan apa sahaja yang ada di alam maya ini untuk kehidupan, malah sebenarnya dikepil bersama manual terakhir dan paling sempurna untuk diamankan sebaris dengan perbuatan manusia itu sendiri.

Tanda bacaan baris dalam al-Quran mula muncul setelah al-Quran ditulis secara meluas dan ruang lingkup perbincangannya antara para ‘ulama. Antara tokoh penting untuk disebut jika kita membincangkan isu ini antaranya: Ali Ibn Abi Tolib (40H), Abu Aswad al-Duali (69H), al-Khalil ibni Ahmad al-Farahidi (175H) dan Abi Ishaq al-Hadhrami (117H). Sumbangan yang melibatkan tokoh-tokoh besar ini ialah penciptaan huruf dan baris al-Quran. Khidmat suci mereka telah mempermudah kita untuk membaca al-Quran sehingga hari ini. Mungkin di antara kita tidak maklum tentang transformasi yang berlaku dalam penulisan al-Quran, sekiranya mereka tidak mentransformasi kaedah penulisan al-Quran, nescaya pada hari ini kita masih terkial-kial membaca al-Quran yang sedia ditulis dengan tulisan pada awalnya adalah kebanyakannya berbentuk simbol dan tanda (Maajid Khir Bek, 1992).

Satu-satunya bahasa di dunia yang mempunyai baris ialah Bahasa Arab. Walaupun bahasa lain juga mempunyai bunyi dan asal usulnya dari bunyi, tapi tidak mempunyai baris sepertimana baris bahasa Arab. Kesimpulannya, apakah objektif baris ini wujud, adakah sekadar hiasan bentuk tulisan umpama gugusan bintang di cakrawala alam. Ianya akan jadi tiada tujuan jika tidak difikirkan. Sekadar tanda baris, yang tidak membawa kepada pengertian, kalau tidak difikirkan. Apakah peranan penting yang di sebalik kewujudan baris?!. Al-Quran tidak diturunkan untuk tidak mempunyai tujuan. Semua yang berkaitan dengannya sudah pasti mempunyai makna.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui dan menilai aspek-aspek berikut:

1. Fungsi baris setiap kalimah dalam al-Quran.
2. Pengaruh i’rab pada kalimah al-Quran.
3. Pengaruh baris terhadap makna.

Metodologi kajian

Kajian ini akan menggunakan metod deskriptif terhadap teori-teori berkaitan baris dan metod analisa perkataan terpilih dalam surah al-Fatihah untuk mendapatkan pengaruh baris ke atas perkataan tersebut.

Sorotan Kajian

Al-Allamah Sibawaih (180H) melalui al-Kitab (1988) telah merintis kaedah baris setelah membincangkan pembahagian perkataan dalam sintaksis Arab, selepas pembentukan perkataan, kaedah asas untuk penentuan makna ialah baris yang berada di hujung sesuatu perkataan. Manakala Tammam Hassan melalui bukunya al-Lughah al-Arabiah Ma'naha Wa Mabnaha (t.t) telah membincang secara terperinci mengenai baris dengan memberi fokus kepada *al-Qarain al-Lafziyyah* (القرائن اللفظية) di mana beliau memperincikan peranan baris dalam mewujudkan makna kepada sesuatu perkataan. Malah beliau meletakkan baris atau istilah yang digunakan dipanggil *al-Alamah al-I'rabiah* (العلامات الإعرابية) sebagai asas untuk makna. Dalam konteks praktik dalam teks, kajian yang dibuat oleh Latifah Ibrahim al-Najjar (1994) melalui buku Dauru al-Binyah al-Sorfiah Wasfu al-Zohirah al-Nahwiyyah wajar diberi fokus kerana beliau telah menyatakan baris bukan sahaja secara *lafzi* (اللفظي) boleh memberi impak makna, bahkan *i'rab* secara *mahalli* (المحلي) juga memberi impak kepada makna.

Dapatan & Perbincangan Kajian

Umum diketahui bahawa baris atau al-Harakah bertindak sebagai petanda bunyi untuk bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa lain di dunia ini. Maka, ini merupakan satu lagi kelainan atau keistimewaan bahasa Arab yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa sahaja. Pengenalan baris-baris dalam bahasa Arab perlu diketengahkan agar pembaca tidak ketinggalan bila kita berbicara isu yang berlanjutan. Baris Bahasa Arab ada empat iaitu: *Dhommah* (ضمة), *Fathah* (فتحة), *Kasrah* (كسرة) dan *Sukun* (سكون). Susunan ini berdasarkan rujukan dalam beberapa kitab Nahw (Dhif Syauqi, 1999).

Al-Radhi al-Astarabazi (686H) menyatakan baris *dhommah* diletakkan sebagai baris pertama kerana ia merupakan baris untuk pokok persoalan dalam ayat Bahasa Arab, atau istilah yang digunakan dalam bidang sintak sebagai *al-Umdah* (العمدة). Manakala baris *fathah* pula menjadi objek perbincangan atau isu yang diutarakan dalam suatu teks, istilah yang digunakan untuk makna ini ialah *al-Fudhlah* (الفضلة) (Al-Astarabazi, 1996). Manakala *kasrah* atau baris bawah sebagai pelengkap kepada makna teks, dan istilah yang digunakan membawa maksud ini ialah *al-Quyud* (القيود) (Jarim, Ali). *Sukun* atau baris mati sedikit berbeza dari tiga baris di atas, kerana *sukun* hanya melibatkan perkataan *al-Fi'lu* (الفعل) dan bukan *al-Ism* (الاسم).


Apa yang dimaksudkan dengan al-Umdah ialah asas atau rukun utama dalam suatu binaan. Dalam konteks ilmu nas (نص) atau nahw nas. Binaan nas terdiri dari idea utama, idea sokongan dan contoh atau sandaran untuk memperkuatkan teks. Selain itu juga, aspek tekanan semasa menyebut kalimah dalam al-Quran, bukan sahaja tekanan bacaan semasa membaca tetapi juga tekanan bacaan ini membawa kepada penekanan pada maksud dan makna kalimah tersebut. Untuk melanjutkan perbincangan dalam isu ini, kita boleh perhatikan secara satu persatu daripada contoh yang diambil dari ayat-ayat dalam Surah al-Fatihah seperti berikut:



Surah ini diletakkan sebagai surah pertama kerana surah ini mengumpulkan semua objektif al-Quran, sebab itulah surah ini dinamakan juga sebagai Ummu al-Quran, Ummu al-Kitab selain al-Sab'u al-Matha'ni (السبع المثاني) (Al-Suyuti,1976).

Analisa Fungsi Baris Pada Kata Nama Dalam al-Fatihah.

Kata nama dalam surah al-Fatihah berdasarkan baris zahir sebagaimana berikut:



i) Baris (ضَمَّةٌ) Dhommatur

Baris *dhommah* pada kata nama merujuk kepada topik utama dlm sesuatu teks iaitu *umdah* (عمدة). Ianya melibatkan kumpulan *al-Marfu'at* (المرفوعات) disebut juga dengan *al-isnad* (الإسناد) antaranya ialah: *Mubtada'*, *Khabar*, *Fa'il* dan *Naib Fa'il*, *Isim kaana* dan lain-lain. Semua perkataan yang berbaris *dhommah* dalam suatu teks mestilah berfungsi sama ada *mubtada'* atau *khabar* dalam *jumlah ismiyyah* atau *fa'il* atau *naib fa'il* dalam *jumlah fi'liyyah*. Fungsi kata nama berbaris *dhommah* dalam teks akan menjadi topik utama dalam teks tersebut.

Dalam konteks kajian ini, perkataan (الحمدُ) sahaja berbaris *dhommah* dan berfungsi sebagai *mubtada'* dalam keseluruhan surah, apabila sesuatu ayat itu terbentuk dalam *jumlah ismiyyah*, maka fungsi utama *jumlah ismiyyah* ialah ketetapan dan keteguhan (Abdul Latif,2000). Sebagaimana diterangkan di atas, baris *dhommah* yang dikenal sebagai *al-Umdah* memberi fungsi bahawa kata nama tersebut menjadi topik utama dalam surah ini (Ibnu Qayyim,2005). Walaupun terdapat kata nama lain seperti al-Rahman, al-Rahim dan lain-lain,

tetapi tidak berbaris *dhommah*. Bahkan, kalau lafaz basmalah dimasukkan sebagai salah satu ayat al-Fatihah, masih kekal hanya satu perkataan sahaja yang berbaris *dhommah*. Jadi, isu utama pokok perbahasan dalam surah al-Fatihah ialah pujian hamba kepada Allah SWT dan inilah kemuncak kepada kehidupan kita yang dijadikan sebagai hamba di dunia ini. Apabila Allah SWT menurunkan al-Quran dalam bahasa Arab yang mempunyai baris, maka kita tidak perlu lagi membahaskan perkara mana yang lebih penting kedudukan pada perkara pertama, kedua atau ketiga penting kerana dengan adanya baris, sudah menjelaskan kepada kita perkara penting di tempat pertama, kedua atau ketiga dan begitulah seterusnya. Dalam tujuh ayat surah al-Fatihah ini hanya ada satu perkataan yang berbaris *dhommah*, memberi satu makluman yang cukup jelas bahawa puji-pujian ini adalah amat penting dalam kehidupan kita sebagai manusia.

Maka, tidak ada sebarang bantahan lagi dalam memperkatakan isu ini lagi dalam kehidupan, bahkan kita sesama manusia hanya perlu memuji jika kita berkehendakkan sesuatu. Begitulah juga dengan perkataan (الله). Perhatikan ayat (الله رب العالمين) dari segi fungsi, jelas ianya *khobar* untuk *mubtada*, jika dii'rab dari sudut *jumlah*, ianya berada pada tempat *marfu* (في محل الرفع) dengan tidak membawa baris *dhommah* sebab tidak dii'rab secara *lafzi*. Definisi *khobar* ialah bahagian ayat untuk menerangkan *mubtada*. *Khobar* akan menyempurnakan makna *mubtada* sebagaimana dalam surah al-Fatihah ini.

Manakala baris *dhommah* pada kata kerja, tidak dibincangkan secara lanjut dalam kitab-kitab utama sintak kerana kata kerja memberi maksud perbuatan tertentu dengan dipengaruhi konteks masa, bukan topik atau isu utama. Malah perkataan *al-Marfu*'at itu sendiri membawa konotasi diangkat atau sesuatu yang diangkat tinggi.

ii) Baris (فتحة) fathatun

Baris fathah pada kata nama merujuk kepada objek dalam suatu teks iaitu (فضلة), dengan kata lain isu yang menjadi fokus dalam ayat. Kata nama yang berbaris *fathah* paling banyak dalam sintak Arab, tergolong dalam kumpulan *al-Mansubat* (المنصوبات) antara yang utama ialah: *al-Mafa'il* (*al-Maf'ul Bihi*, *al-Maf'ul Fihi*, *al-Maf'ul Maa'hu*, *al-Maf'ul Li Ajlihi* dan *al-Maf'ul al-Mutlaq*), *al-Mustasnaa*, *al-Hal*, *al-Muna'da* dan lain-lain. Oleh yang demikian, fungsi kata nama yang berbaris *fathah* dalam teks adalah sebagai isu utama atau isu yang difokuskan. Dalam fokus surah al-Fatihah hanya dua unit berbaris *fathah* iaitu (الصراط المستقيم) dan (صراط)

Perhatikan ayat 6 dan 7 surah al-Fatihah (اهدنا الصراط المستقيم / صراط) perkataan (الصراط / صراط) berbaris *fathah* dan berfungsi sebagai objek dalam teks, maksudnya ianya diberi fokus kerana menjadi objek dalam ayat tersebut. Maksud (اهدنا الصراط المستقيم) tunjukkanlah kami jalan yang lurus. Satu permintaan daripada seorang hamba kepada Allah SWT secara berfokus kepada kepada jalan yang lurus, dan diperkuatkan lagi permintaan itu dengan perkataan yang sama diulang dan ditambah kriteria jalan tersebut dan penafian jalan yang bukan dikehendaki oleh Allah SWT dapat difahami pada ayat terakhir dalam surah al-Fatihah.

Perkataan (الصراط) dalam bentuk mufrad muarraf (مفرد معرف) sama sahaja bentuk perkataan dengan (الحمد) tetapi disebabkan barisnya adalah *fathah*, maka dapat difahami dalam konteks kajian ini ialah hanya sebagai objek atau sasaran perbincangan. Meskipun begitu, ianya

turut sama berperanan besar dalam menyempurnakan surah ini, selain diperkuatkan dengan sifat yang lurus itu sendiri, kita faham dengan jelas, mana ada jambatan yang dibuat secara bengkok atau belok, sudah tentu dari segi struktur binaannya tidak akan kukuh, maka begitulah maksud sebenar perkataan (الصراط) ini diperkenalkan oleh Allah SWT. Jika dibandingkan dengan perkataan (الحمد) tidak dilengkapkan dengan sifat tertentu, ini kerana, sebagai topik utama perbincangan, ianya diperkenalkan secara umum sahaja selain dikaitkan semua kepujian kerana (ال) padanya bermaksud menyeluruh (الاستغراق) (Babti, Azizah, 1992). Kenapa diulang perkataan (الصراط) dan diberi kriteria dengan penerangan pro dan kontra dengan sebegitu terperinci dan konkrit?! Adakah Allah SWT tidak memahami apa yang dipinta oleh hamba tersebut?! Jawapannya sudah tentu tidak. Ayat ini berfungsi menerangkan kesungguhan seorang hamba yang meminta. Ditambah dengan penerangan kepada sang pencipta sekalipun sang pencipta Maha Mengetahui keadaan hambaNya. Perkara ini memberitahu kita supaya dalam kehidupan ini, jika ingin memohon atau meminta sesuatu, hendaklah dengan khabar yang jelas dan terang.

iii) Baris (كسرة) kasratun

Baris *kasrah* pada kata nama merujuk kepada pelengkap kepada makna teks iaitu *quyud* (قيود). Dengan kata lain, jika perkataan berbaris *kasrah* tiada dalam teks, ia tidak mengurangkan topik atau isu teks tersebut. Tapi jika dilihat secara menyeluruh, kemasam maksud sesuatu jumlah atau ayat akan terserlah jika mengandungi elemen penyempurna jumlah atau ayat, peranan ini memang secara dasarnya dimainkan oleh perkataan yang membawa baris *kasrah*. Kata nama yang menerima baris *kasrah* hanya ada dua unit yang disebut dengan *al-Majrurat* (المجورات) itu *isim majrur* (اسم المجرور) dan *Mudhofun Ilaihi* (مضاف إليه).

Dalam surah al-Fatihah, kata nama yang berbaris *kasrah* ialah sebagaimana berikut:



Semua kata nama di atas adalah nama-nama Allah SWT, sudah tentu kepentingan dalam sebarang teks bersifat tidak tersangkal, kata nama (الله) merujuk kepada konsep *Uluhiyyah* Allah SWT, iaitu tauhid hamba kepada Allah, manakala kata nama (رب العالمين) merujuk kepada tauhid *Rububiyyah* iaitu tauhid Allah kepada hambaNya. Perlu disebutkan di sini, perkataan *Rabb al-A'lam* membawa maksud tuhan sekalian alam, secara kebetulan atau tidak, ianya disebut dalam bahasa Inggeris dengan nama "Mother of Nature". Maka semua kejadian alam seperti letusan gunung berapi, banjir, tanah runtuh, gunung lipat, kilat dan ribut taufan dan kematian itu sendiri adalah sifat *Rabb al-A'lam* sendiri. Maka "Mother of Nature" itu ialah *Rabb al-A'lam* dalam surah al-Fatihah. Kata nama (رحمن) dan (رحيم) merujuk kepada

pemberi rezeki secara menyeluruh samada kepada orang Islam dan bukan Islam, rezeki terbesar yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia ialah hidup itu sendiri, kalau kehidupan itu merupakan nikmat paling besar kepada manusia, maka menjadi kewajipan utama manusia itu bersyukur dan bersedia untuk memuji (الحمد) Allah. Yang terakhir dalam konteks ini ialah kata nama (ملك يوم الدين) yang merujuk kepada hari kiamat atau hari akhirat itu sendiri. Penutup segala perkara yang berlaku di dunia ini.

Keempat-empat kata nama di atas walaupun besar dan agung, namun dalam konteks al-Fatihah, ianya menjadi elemen pelengkap kepada kepujian (الحمد), Dr Solah Abdul Fattah al-Khalidi (1992) menyatakan huruf lam (ل) yang mengikat perkataan (الحمد) bermaksud keikhlasan (لام الإخلاص) iaitu kepujian yang perlu dilakukan oleh hamba mestilah ikhlas hanya kepada Allah SWT sebagai Tuhan. Maka, walaupun semua kata nama ini berbaris kasrah tetapi ikatan ikhlas itu sendiri telah melengkapkan topik asas surah al-Fatihah, jika dii'rabkan semua kata nama ini, ianya masih dalam tema dhommah secara محل, kerana menjadi khabar kepada (الحمد).

Selain di atas, kata nama lain yang kasrah ialah (المغضوب) dan (الضالين)- Baris kasrah diganti dengan huruf (ي) kerana jamak muzakkar salim. Dua kata nama ini menjadi kasrah kerana terletak secara penafian selepas partikel (غير). Dalam susunan nas kata nama ini adalah pelengkap kepada kata nama (الصراف) yang datang tanpa kata hubung, iaitu jalan yang lurus sebagaimana yang Engkau berikan kepada hambaMu, bukan jalan orang yang Engkau murkai dan jalan orang-orang yang sesat.

Kesimpulan

Peranan baris dalam sintak Arab merupakan sesuatu yang amat penting. Ulama' mencipta bentuknya dengan begitu sempurna walaupun asalnya ilmu tersebut mendatangi mereka dalam bentuk bunyi. Kajian ini hanya melihat fungsi baris kepada konteks dalam surah al-Fatihah, tetapi penemuan ini boleh dijadikan sandaran kepada ayat-ayat al-Quran yang lain apabila kita memahami lebih dari sepatutnya apa yang terkandung dalam ilmu *i'rab* al-Quran yang dikenali sebagai ilmu *Nahw* atau ilmu sintak iaitu ilmu *tarkib* susunan kalimah dalam al-Quran yang membawa makna yang berbeza apabila berubah kedudukan perkataan (kalimah) tersebut dalam ayat (jumlah). Bukan hanya berbeza bacaan baris dhommah, fathah dan kasrah apabila kedudukan berubah, tetapi maknanya juga berubah mengikut susunan dalam ayat. Pendedahan makna baris dalam kajian ini, semoga dapat memberi sumbangan baru pada ilmu sintak Arab yang telah dipelajari sejak begitu lama oleh pelajar-pelajar sekolah dan mahasiswa universiti untuk lebih memahami maksud penggunaan sesuatu perkataan *kalimah* tersebut, pada setiap bacaan baris akhir pada setiap kalimah dalam jumlah atau ayat-ayat al-Quran. Semoga kita tidak hanya mempelajari apa yang tersurat, tetapi mengambil juga isu-isu tersirat di sebalik rahsia-rahsia baris perkataan yang dibaca dalam bahasa Arab.

Rujukan

- Abdul Latif, Muhammad Hamasah. (2000). *Al-Nahw Wa al-Dilalah*. Dar al-Syuruq: Kaherah,55.
- Al-Astarabazi, al-Radhi. (1996). *Syarah al-Kafiah* (cet 2). Mansyurat Jamiah: Baghazi. 1/62-63.
- Al-Najjar, Latifah. (1994). *Dauru al-Binyah al-Sorfiah Wasfu al-Zohirah al-Nahwiyyah*,138.
- Al-Khalidi, Solah. (1992). *Lataif Quraniyyah*. Dar al-Qalam: Beirut,43.
- Al-Suyuti. (1976). *Asrar Tartib al-Quran*, tahqiq: Abdul Qadir At'a. Dar al-I'tisam: Kaherah,73.
- Babti, Azizah. (1992). *Al-Mukjam al-Mufassal Fi al-Nahwi al-Arabi* (juzuk 1). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut,86.
- Dhif, Syauqi. (1999). *al-Madaris al-Nahwiyyah* (cet 8). Darul Maarif: Kaherah,35.
- Hamuz, Abdul Fattah. (2016). *al-Maf'ul Lahu, Fadlatun Nahwiyyatun Za'tun Wazifatun Dilaliyyatun* (Cet 1). Dar Jarir: Amman,11.
- Hassan, Tammam. (t.t). *al-Lughah al-Arabiah Ma'naha Wa Mabnaha*,205.
- Ibnu Qayyim. (2005). *al-Tafsir al-Qayyim*. Muhammad Uwais al-Nadwi. Dar Ibni Haitham: Kaherah,9.
- Jarim, Ali. (t.t). *Al-Balaghah al-Wadhihah*.
- Maajid Khir Bek. (1992). *al-Lughah al-Arabiah Juzuruha Intisyaruha Ta'siruha Fi al-Syarqi Wa al-Gharbi*, 16.
- Sibawaih, Amru. (1988). *al-kitab* (cet 3). Maktabah al-Khanji: Kaherah,13.